

Newspaper	Utusan Melayu
Date	15/08/2017H

Tuduh PM rancang kecoh keterlaluan
Um- 15/8/2017 19.9

KUALA LUMPUR 14 Ogos
- Tindakan Pakatan Harapan yang diketuai DAP sengaja menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merancang untuk melakukan kekecohan dalam forum *Nothing To Hide 2.0* dianggap amat serius selain keterlaluan.



IRMOHIZAM

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim berkata, menjadi kelaziman pembangkang untuk menutup kelemahan sendiri dengan membuat tuduhan selain ingin mencemarkan nama baik Perdana Menteri dan kerajaan.

Menurutnya, penganjur forum berkenaan sepatutnya mengkaji dan bersedia dari semua sudut termasuk kawalan keselamatan sebelum mengajurnya.

"Nampaknya barisan kepimpinan Pakatan Harapan dengan rasa tidak bertanggungjawab menyimpulkan Najib menggunakan gengster sebagai menutup mulut bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Ini satu lagi kegagalan sehingga berlaku kekecohan selepas program yang pernah dianjurkan oleh Pertubuhan Sukarelawan Peguam Malaysia (Sukaguam). Jadi, pihak pembangkang sudah tentu tahu dan masih lagi ingin meneruskan program, seolah-olah hanya mahukan provokasi ini terus terjadi kononnya dibuat oleh orang luar," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Tambah Irmohizam, Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) PPBM sepatutnya menghormati bulan kemerdekaan dan negara ini yang menjadi tuan rumah bagi Sukan SEA 2017.

Jelasnya, mungkin mereka tidak faham dan menjiwai maksud kemerdekaan negara yang ke-60 tahun serta istilah patriotisme sebenar dalam menjaga nama baik negara.

"Sistem demokrasi di negara ini dikhuatiri akan tercemar jika pihak pembangkang tidak mahu menghormati sistem sedia ada," katanya.

Menurut Irmohizam, jika program sedemikian diteruskan lagi, negara akan diancam dengan ketidakstabilan demokrasi dan keamanan politik.

Malah, katanya, pertikaian demi pertikaian dan politik andaian serta provokasi akan terus menjadi modal dalam menggugat sistem demokrasi negara ini.

"Justeru, semua pihak harus ingat, jangan jadikan Pilihan Raya Umum Ke-14 sebagai alat untuk merangka satu provokasi dengan menggugat kestabilan demokrasi dan mencemarkan imej negara kerana tanda-tanda jelas kelihatan kesan daripada pengajurnan ini," ujarnya.